



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**PELANCARAN SMART TRADZT AGRO MARKETPLACE UNTUK  
PRODUK AGROMAKANAN**

**TARIKH: 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**MASA: 3.00 PETANG**

**TEMPAT: DEWANTSYH MARDI, SERDANG, SELANGOR**

**[SALUTASI]**

Terima Kasih saudara Pengacara Majlis.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**  
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

**YANG BERBAHAGIA, DATO' DR MOHD ZABAWI B ABD GHANI**  
Ketua Pengarah MARDI

**YANG BERUSAHA ENCIK CK CHUNG**  
Pengarah Urusan Syarikat SMART TRADZT Sdn. Bhd.

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Pegawai-Pegawai Kementerian dan Agensi

Rakan-Rakan media

YBhg. Datuk-Datuk, Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

1. Pertamanya, saya berasa sangat berbesar hati pada hari ini dapat bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran Agro Tradzt**, sebuah platform e-dagang khusus untuk petani, penternak dan nelayan serta pekebun kecil untuk memasarkan atau menjual hasil pertanian, penternakan mahupun perikanan mereka terus kepada pembeli.
2. **Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, aspek pendigitalan pertanian merupakan antara keutamaan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) melalui Teras ke- 5 iaitu Pendigitalan Rantaian Nilai** untuk menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif bagi usahawan agromakanan dalam era digital.
3. Inisiatif di bawah strategi ini termasuk membangunkan pangkalan data pertanian bersepadu, melaksanakan teknologi jejak-dan-kesan untuk meningkatkan daya jejak (*traceability*) di sepanjang rantaian nilai. Ini akan dapat memudah cara penyertaan usahawan sepanjang proses pendigitalan rantaian nilai termasuk dalam platform e-dagang.
4. Selain itu, **penerimangunaan teknologi dan pendigitalan juga dikenalpasti sebagai pemangkin dasar dalam RMKe-12 untuk**

mencapai pertumbuhan merentasi semua sektor termasuk sektor pertanian khususnya teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

5. Kemudahan seperti Platform e-Dagang *Agro Tradzt* oleh syarikat *Smart Tradzt* ini adalah **bertepatan dengan strategi utama MAFI** dalam mewujudkan peluang pasaran yang lebih luas khususnya untuk pengeluar produk pertanian kecil.
6. Di samping itu, usaha-usaha berteraskan pemodenan turut digariskan dalam **Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN)** bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem makanan negara. Ini termasuklah inisiatif untuk memperluaskan penggunaan teknologi serta memperkuuh dan menambahbaik infrastruktur sedia ada bagi memudahcara adaptasi teknologi dalam kalangan pengeluar makanan.

**Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

7. **Perluasan penggunaan teknologi** dalam kalangan komuniti pertanian akan merangsang keusahawanan, menaikkan taraf sosioekonomi petani, penternak dan nelayan, menyemarakkan semula minat dalam industri pertanian sebagai satu profesi ekonomi dan akhirnya mampu meningkatkan sekuriti makanan negara.
8. Dalam masa yang sama, MAFI juga giat memperluas dan memperkasa pemasaran hasilan pertanian khususnya melalui **platform-platform e-commerce** yang telah dikenal pasti **dan bersesuaian** untuk **mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasilan pertanian bagi pasaran domestik dan antarabangsa**. Antaranya termasuklah **kerjasama strategik dengan platform e-dagang swasta** seperti *Shopee*, *Lazada*, *AirAsia Farm*, *Mukmin Mart*, *Grab*, *FoodPanda* dan terbaharu sebuah platform e-dagang pertama bagi produk input pertanian (*agri-inputs*) di Malaysia iaitu *eAgro*.
9. Melalui **online store Agrobazaar Malaysia di Shopee dan AirAsia Farm** sahaja, dari Januari 2020 sehingga 31 Oktober 2021, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah mencatat nilai jualan hampir 1 juta ringgit. Selain itu, **Agrobazaar Online** yang diuruskan oleh FAMA telah mencatat nilai jualan hampir 4 juta ringgit dalam tempoh yang sama.
10. Manakala Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan Malaysia (NEKMAT) turut melaksanakan inisiatif pemasaran secara digital melalui laman web *nekmatbiz* serta media

sosial dengan menawarkan perkhidmatan penghantaran pesanan terus ke rumah pengguna. Melalui platform *nekmatbiz* ini, **LKIM telah mencatat nilai jualan hampir 400 ribu bagi tempoh September 2019 sehingga 31 Oktober 2021.**

11. Melalui kerjasama awam swasta sebegini, **MAFI percaya ia dapat membantu mempercepatkan pengenalan inovasi digital, transformasi industri digital, mewujudkan situasi *win-win* untuk semua pemegang taruh.**
12. Dalam hal ini, sudah tentu **platform seumpama Smart Tradzt akan melengkapi usaha MAFI dalam terus mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan produk pertanian.**

**Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

13. **Kerjasama strategik MAFI dan pihak swasta akan terus diperkujuh bagi memastikan pencapaian kemajuan yang berterusan untuk sektor pertanian dn industri makanan negara kerana ini akan menyumbang kepada peningkatan tahap sekuriti makanan negara secara keseluruhannya.**
14. **Saya difahamkan atas semangat menyokong aspirasi “Keluarga Malaysia”, platform e-Dagang seperti Agro Tradzt menggalakkan prinsip keterangkuman melalui kerjasama merentasi keseluruhan ekosistem industri pertanian untuk faedah yang lebih besar terutamanya kepada penjual atau pembeli kecil-kecilan.**
15. Langkah bersepadau dan holistik menerusi pendekatan **whole of nation** sudah tentu akan memastikan sistem makanan negara kekal utuh sepanjang masa menghadapi sebarang ketidaktentuan.
16. Oleh itu, saya percaya **platform e-dagang seperti Agro Tradzt ini juga akan dapat menyumbang ke arah kejayaan DAN 2.0 serta Pelan Tindakan DSMN.**
17. Saya juga menyeru, **englubatan pihak swasta dan pemain-pemain industri di luar sana untuk terus dan bersama-sama kerajaan dan mencipta teknologi seumpama ini yang pastinya untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat.**
18. Dengan kata-kata itu, Saya Dengan Sukacitanya Melancarkan Platform **Agro Tradzt.**

Sekian, terima kasih.